

SULIT



Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

HMT507 – Isu Semasa Bahasa Melayu

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** (7) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

1. Pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.
2. Soalan No. 1 daripada Bahagian A **WAJIB** dijawab.
3. Jawab mana-mana **TIGA (3)** soalan yang lain daripada Bahagian B.
4. Anda dikehendaki menyerahkan kedua-dua kertas soalan dan jawapan. Kertas soalan dan buku jawapan hendaklah diikat bersama-sama.

...2/-

SULIT

Bahagian A: Soalan Bahagian A WAJIB dijawab.

1. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan LIMA pendekatan yang sering kali diguna pakai bagi mengenal pasti penyetempatan pelbagai fungsi bahasa di dalam otak.

[b] Bincangkan secara kritis kelemahan dan batasan pendekatan ini.


[25 markah]

Bahagian B: Jawab mana-mana TIGA (3) soalan.

2. Berdasarkan Rajah 1: Aras Kognitif Taksonomi Bloom oleh Anderson & Krathwohi (2001), sejauhmanakah keberkesanan kaedah membaca huruf terhadap aras mengingat, memahami dan mengaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran membaca bahasa Melayu di kelas pendidikan awal kanak-kanak atau di kelas pemulihan?

[25 markah]

Rajah 1: Aras Kognitif Taksonomi Bloom



Anderson & Krathwohi (2001)

...3/-

3. Bincangkan LIMA sebab mengapakah kaedah bacaan fonik *Sistem Bacaan Universiti Sains Malaysia* lebih berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran membaca bahasa Melayu di peringkat awal kanak-kanak jika dibandingkan dengan kaedah bacaan fonik *Bacalah Anakku*. Perbincangan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.

[25 markah]

4. Gunakan Petikan 1 di **Lampiran 1** untuk menjawab soalan [a] hingga [c].

[a] Kenal pasti dan senaraikan bentuk panggilan yang terdapat dalam petikan mengikut jenis. Gunakan kaedah jadual untuk penyenaiaan ini.

[b] Bincangkan kesesuaian dan ketaksesuaian penggunaan bentuk panggilan yang dikenal pasti dalam [a] dari aspek semantik dan pragmatik.

[c] Mengapakah 'Warkah dari Cordova untuk Nurul Izzah' ini menjadi sesuatu yang kontroversi bagi sesetengah orang, tetapi tidak bagi sesetengah yang lain? Bincangkan dari aspek sosiolinguistik.

[25 markah]

5. Jawab soalan [a] dan [b].

[a] Asmah Haji Omar (2009: 226) menyatakan bahawa perkataan 'lagi' merupakan "penghubung setara mendukung makna "dan" dan "hanya dapat menghubungkan dua predikat ... yang terdiri daripada kata nama dan kata sifat". Bincangkan ketepatan atau ketaktepatan kenyataan ini menggunakan data [i] hingga [iv].

- [i] Wanita itu sangat cerdik lagi sangat bijak.
- [ii] Mereka itu pencuri lagi pembohong.
- [iii] Lagi banyak latihan, lagi pening pelajar itu.
- [iv] Jutawan itu pemurah lagi penyayang.

[12.5 markah]

...4/-

- [b] Wajarkah pandangan seorang sarjana dan pakar bahasa seperti Asmah Haji Omar dipersoalkan? Bincangkan persoalan ini daripada aspek linguistik deskriptif dan linguistik preskriptif. Anda boleh menggunakan maklumat daripada [a] dalam perbincangan anda, selain daripada maklumat dari bahan lain.

[12.5 markah]

Lampiran 1

Petikan 1

WARKAH DARI CORDOVA UNTUK NURUL IZZAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ke hadapan Adinda Nurul Izzah yang dikasihi,

Kekanda kini dalam perjalanan darat 3 jam dari bandar bersejarah Cordova ke Madrid. Kekanda tidak boleh tidur kerana bimbangkan keadaan adinda setelah keputusan adinda tempoh hari. Semoga adinda berada dalam keadaan sihat dan tenang menghadapi berbagai cabaran selaku 'Puteri Reformasi'.

...

Adinda,

Kekanda pernah menasihati adinda bahawa jalan untuk adinda masih panjang dan jauh dan pastinya adinda akan sampai jua dihujungnya. Kekanda cuba menyelami perasaan anak muda seperti adinda dalam politik kepartian yang penuh dengan persaingan individu dan kekelompokan. Percayalah, kekanda telah melaluinya sehingga kekanda terpaksa membuat tindakan yang sukar lagi berisiko, semuanya gara-gara tabiat politik kepartian. Kekanda tidak mahu adinda tumpas dengan medan politik dalaman yang kadang-kadang tidak berhati perut. Beberapa kali kekanda menangis sendirian antara meneruskan atau pasrah sahaja malah ada ketika mahu sahaja kekanda mengucapkan selamat tinggal kepada politik kepartian. Kekanda pernah dinasihati sifu-sifu parti agar senantiasa fokus dan buktikan nilai diri kita kepada perjuangan parti.

...

Adindaku Nurul Izzah,

...

Adinda mewarisi ketokohan siyasa itu sama ada dengan pilihan atau warisan. Memang sukar untuk selalu diperbandingkan kita dengan ayahanda-ayahanda kita oleh manusia yang memerhatikan kita.

...6/-

Kekanda selalu berkias tidak layak perbandingan tersebut dengan berkata, kuku pun tak sama dengan ayahanda kekanda, apatah lagi ketokohnya. Namun kita juga harus berbangga bahawa ayahanda kita mendidik kita sebaiknya untuk kita menabur bakti, berbuat baik tanpa syarat dan mementingkan perjuangan daripada diri sendiri. Kekanda yakin adinda telahpun menghadamnya sejak bergelumang di alam politik.

Adindaku,

Sejak kekanda mengenali adinda, adinda masih remaja dan amatlah kekanda bersedih dan bersimpati betapa remaja seperti adinda terpaksa melalui saat-saat duka menanggung kepedihan fitnah ke atas ayahanda yang dikasihi. Bukan mudah penderitaan tersebut, terpaksa menanggung kata keji manusia yang memfitnah sedangkan kita ada kawan, sekolah dan masa depan yang kita harus tempuhi. Bukan calang-calang manusia yang mampu berhadapan dengannya apatah lagi sebagai anak sulung, adinda terpaksa membebani jua penderitaan adik-adik yang masih kebingungan.

Adindaku,

...

Kekanda pernah bertanya pada sifu-sifu kekanda dalam politik. Anehnya sifu-sifu kekanda bukan semuanya dari mana-mana parti tertentu tetapi sebahagian mereka hanya pemerhati yang mengamati sepanjang pengalaman hidupnya bagaimana potensi digilap dan potensi 'dimalap'.

...

Adinda Nurul Izzah,

Kekanda hanya mahukan kebaikan untuk masa depan politik adinda, maaf kerana warkah ini ditulis cara terbuka tetapi kekanda rasa adinda adalah 'Puteri Reformasi' milik generasi baru yang akan mencorakkan Malaysia Baru. Mereka perlukan 'puteri' mereka terus memimpin langkah awal ke arah apa yang dicitakan oleh pengasas gelombang reformasi. Para pengkritik juga ingin menguji apakah kekentalan 'Puteri Reformasi' masih utuh? Jangan biarkan ujian ini menjadi satu kebenaran dan jangan biarkan mereka yang tidak ada bersama kita sebelumnya menentukan nasib Malaysia Baru, kita perlu tentukannya bersama.

...7/-

...

Adinda Nurul Izzah,

..

Kenderaan kami menghampiri Toledo, dan kekanda akan berhenti di sini dahulu untuk menikmati keindahan pemandangan dari kawasan tinggi di sini. Adios...

Sekian,

Yang Benar,

Kekanda Mujahid Yusof Rawa

Ubah suai daripada sumber:

<https://www.facebook.com/DrMujahidYusofRawa/posts/warkah-dari-cordova-untuk-nurul-izzah%D8%A8%B3%D9%85-%D8%A7%D9%84%D9%84%D9%87-%D8%A7%D9%84%D8%B1%D8%AD%D9%85%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%B1%D8%AD%D9%8A%D9%85%D8%A7%D9%84%D8%B3%D9%84%D8%A7%D9%85-%D8%B9%D9%84%D9%8A%D9%83%D9%85-%D8%B1%D8%AD%D9%85%D8%A9-%D8%A7/2056760774362745/>

- oooOooo -